

UMSLink Anjur Program “1st UMS Product Commercialization Prospecting Session”



Syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS), UMS Link Holdings Sdn Bhd (ULink) telah mengadakan program bertajuk “1st UMS Product Commercialization Prospecting Session” pada 01 April 2010.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk memberi ruang khas kepada para penyelidik UMS untuk menyampaikan hasil kajian mereka kepada para pihak industri tempatan bagi membantu proses pengkomersilan hasil kajian dan inovasi para penyelidik di universiti ini. Selain mampu memartabatkan kajian-kajian penyelidikan UMS, program ini juga adalah selaras dengan matlamat penubuhan ULink untuk membantu menjana pendapatan universiti.

Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Pengkomersilan ULink, Sainuri Yahmin dalam ucapannya berkata, program seumpama ini merupakan platform terbaik bagi memberi pendedahan kepada penyelidik mengenai

kehendak pasaran sebenar pada masa kini.

“Dengan itu, saya percaya melalui pengetahuan ini, para penyelidik akan terus menghasilkan kajian-kajian dan penemuan yang lebih berdaya saing sesuai dengan peredaran globalisasi,” katanya lagi.

Beliau turut menyuarakan harapan agar melalui program ini akan menjadi jalinan komunikasi dua hala yang berterusan di antara para penyelidik UMS dan pihak industri sekaligus membuahakan hasil yang positif yang memberi manfaat kepada kedua belah pihak.

Pada sesi itu, seorang penyelidik dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) Prof. Madya Dr. Md. Abdul Manan telah membentangkan empat kertas kajiannya yang berkaitan dengan sektor pembinaan.